



PELANCARAN APLIKASI MOBIL (MOBILE APPS) i-GADAIAN



Pada 19 Jun 2019, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan aplikasi mobil (*mobile apps*) i-Gadai. Aplikasi ini merupakan aplikasi mobil baharu yang diwujudkan bagi memudahkan orang ramai membuat carian premis pemegang pajak gadai (PPG) yang berlesen dan didaftarkan di bawah KPKT di kawasan Semenanjung Malaysia. Aplikasi ini juga membolehkan orang awam membuat aduan secara atas talian. Selain itu, ia turut memuatkan pelbagai informasi yang bermanfaat untuk makluman orang awam terutama kepada mereka yang berminat untuk menjalankan transaksi pemajagadai seperti jenis-jenis kesalahan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] yang memberi perlindungan kepada hak seorang pemajak. Oleh yang demikian, orang ramai diseru agar dapat memanfaatkan penggunaan aplikasi ini selaras dengan *tagline* “Jadilah Pemajak Yang Bijak”.

Semasa sidang media, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjelaskan bahawa empat juta pemajak direkodkan menggunakan khidmat di 593 premis pajak gadai berdaftar di seluruh negara pada tahun lepas dengan nilai gadaian kira-kira RM8 juta.

Malah, sudah terdapat kesedaran dalam kalangan rakyat untuk menggunakan saluran yang betul, selamat dan terjamin dalam membuat gadaian berbanding menggunakan ceti haram atau 'ah long”.

Pembangunan aplikasi ini merupakan inisiatif Bahagian Kawalan Kredit Komuniti (BKCC), KPKT yang bertanggungjawab mengawal selia industri PPG di seluruh Malaysia. Pihak Kementerian turut bertanggungjawab memantau industri ini melalui aktiviti siasatan dan pemantauan yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ditempatkan secara kader di Kementerian ini.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat